



Ruj. Kami: SMKCJP.700-2/1/2 (4)
Tarikh: 12 Oktober 2021

**Kepada,
Ibu bapa/ Penjaga,
Puteri-Puteri SMK Convent Jalan Peel,
Kuala Lumpur.**

Tuan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH DAN SESI PdP SECARA PENGGILIRAN [BERSEMUKA DAN PdPR] UNTUK MURID-MURID TINGKATAN 5 MENGIKUT KETETAPAN FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 September 2021 mengenai Pemakluman Pengoperasian Institusi Pendidikan adalah dirujuk. Sesi **Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Penggiliran** untuk murid kelas peperiksaan awam iaitu **Tingkatan 5** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan bermula pada **18 Oktober 2021 (Isnin)**.

3. Seperti dinyatakan semasa Sesi Libat Urus Bersama Ibu Bapa/ Penjaga dan Murid-Murid Tingkatan 5 pada 11 Oktober 2021 (Isnin), **sesi PdP Secara Penggiliran** akan berlaku dalam dua keadaan: PdP secara bersemuka di sekolah dan PdPR secara sendiri di rumah.

4. Berikut merupakan **waktu persekolahan PdP secara bersemuka di sekolah** dan **waktu PdPR secara sendiri di rumah** untuk murid **Tingkatan 5 SMK Convent Jalan Peel**:

Waktu Persekolahan PdP Secara Bersemuka di Sekolah

Tingkatan	Hari	Waktu Persekolahan Bersemuka
5 [Nuri, Rajawali, Kasawari, Sintar, Merak, Cenderawasih]	Isnin - Rabu	7.30 pagi – 3.30 petang
	Khamis	7.30 pagi – 2.30 petang
	Khamis* [Kelas Kesusasteraan Tamil]	2.30 petang – 3.30 petang
	Jumaat	7.30 pagi – 12.30 tengah hari

Waktu PdPR Secara Sendiri di Rumah

Tingkatan	Hari	Waktu Persekolahan Bersemuka
5 [Nuri, Rajawali, Kasawari, Sintar, Merak, Cenderawasih]	Isnin - Rabu	7.30 pagi – 2.30 petang
	Khamis	7.30 pagi – 2.30 petang
	Jumaat	7.30 pagi – 12.30 tengah hari

5. Berikut merupakan **tarikh PdP Secara Penggiliran** iaitu **Secara Bersemuka di sekolah dan PdPR sendiri di rumah** untuk murid **Tingkatan 5 Kumpulan A dan Kumpulan B** mulai **18 Oktober 2021 (Isnin)**:

Tarikh PdP Secara Penggiliran Murid-Murid Tingkatan 5

TINGKATAN 5	MINGGU	TARIKH BERSEMUKA		MINGGU	TARIKH PdPR	
		Mula	Akhir		Mula	Akhir
KUMPULAN A						
[Nuri,	35	18/10/2021	22/10/2021	36	25/10/2021	29/10/2021
Rajawali,	37	1/11/2021	5/11/2021	38	8/11/2021	12/11/2021
Kasawari,	39	15/11/2021	19/11/2021	40	22/11/2021	26/11/2021
Sintar, Merak, Cenderawasih]	41	29/11/2021	3/12/2021	42	6/12/2021	10/12/2021
KUMPULAN B						
[Nuri,	36	25/10/2021	29/10/2021	35	18/10/2021	22/10/2021
Rajawali,	38	8/11/2021	12/11/2021	37	1/11/2021	5/11/2021
Kasawari,	40	22/11/2021	26/11/2021	39	15/11/2021	19/11/2021
Sintar, Merak, Cenderawasih]	42	6/12/2021	10/12/2021	41	29/11/2021	3/12/2021

6. Bagi memastikan keselamatan murid-murid dan pematuhan SOP Covid-19 sepanjang berada di dalam kawasan sekolah dan di luar sekolah apabila sesi persekolahan berakhir, ibu bapa/ penjaga dimohon mengingatkan anak-anak untuk sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga seperti **memakai pelitup muka pada setiap masa, menjaga jarak fizikal dan mensanitasi tangan**. Ibu bapa/ penjaga juga dimohon mematuhi SOP semasa menunggu mengambil anak di luar sekolah apabila sesi persekolahan berakhir. Ibu bapa/ Penjaga **tidak dibenarkan masuk ke kawasan sekolah** untuk menghantar dan mengambil anak. Tuan/puan juga diharapkan untuk memastikan pengangkutan dan keselamatan pergi dan balik sekolah anak tuan/puan diuruskan dengan baik.

7. Pihak sekolah amat mengharapkan kerjasama semua ibu bapa/ penjaga untuk memastikan **kehadiran anak/ anak jagaan** tuan ke sekolah untuk sesi **PdP bersemuka di sekolah** dan memastikan anak-anak melakukan **sesi PdPR secara sendiri di rumah** mulai **18 Oktober 2021**.

Pihak sekolah sudah berusaha sebaik-baik mungkin memastikan segala langkah keselamatan telah diambil demi keselamatan semua. Kerjasama dan keprihatinan tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MASTURA BINTI MUHAMAD)

Pengetua

SMK Convent Jalan Peel,
Kuala Lumpur

TULUS DENGAN FADILAH, AZAM DENGAN BAKTI